

25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI HASAN ARIFIN
KAWASAN : ROMPIN
TARIKH : 4 APRIL 2018
NO. SOALAN : NO. 22 (PR-1361-L04686)

SOALAN

Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan peratus eksport Malaysia ke luar negara masih bergantung kepada barang-barang asas seperti minyak dan gas, getah, minyak sawit dan barang-barang elektronik. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menggalakkan eksport yang mempunyai 'value added' yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada tahun 2017, jumlah peratusan eksport bagi produk minyak dan gas, getah, minyak sawit dan barang-barang elektronik adalah sebanyak 61% atau RM570.25 bilion. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 21.1% berbanding RM470.82 bilion yang dicatatkan pada tahun 2016.

2. Bagi meningkatkan eksport produk yang mempunyai nilai tambah (*value added*) yang tinggi, Majlis Eksport Negara (NEC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memberi fokus kepada 12 sektor utama iaitu elektrik dan elektronik; mesin & kelengkapan; petrokimia; automotif dan komponen; peranti perubatan; minyak sawit; perniagaan agro serta sektor perkhidmatan seperti pelancongan, pelancongan perubatan; perkhidmatan pembinaan, ICT dan pendidikan.
3. Bagi merencanakan lagi galakan eksport produk nilai tambah yang tinggi pada tahun ini (2018), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah merancang pelbagai program promosi eksport dan pembangunan pengeksport seperti:
 - (a) **Program promosi eksport** yang merangkumi Pameran Perdagangan Luar Negara, Misi Pemasaran Khusus, *Market Immersion*, Program Penyumberan Antarabangsa (*International Sourcing Programmes*) serta program pameran perdagangan dalam negara yang dikendalikan oleh MATRADE seperti *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) dan *Kuala Lumpur International Aerospace Business Corporation* (KLIABC).
 - (b) **Pendekatan kerjasama bersama pengimport** seperti rangkaian peruncit, *hypermarket* dan pusat perolehan (*procurement centre*) dari negara luar tersebut.
 - (c) **Program peningkatan daya saing syarikat pengeksport** seperti:

- 31
- (i) Program Syarikat Peringkat Pertengahan (MTC), di mana syarikat-syarikat peringkat pertengahan tempatan dibimbing agar lebih berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat serantau dan antarabangsa.
 - (ii) Program Going Export (GoEx) yang menyasarkan pengeksport kali pertama atau pengeksport sedia ada meneroka produk atau pasaran baharu. Program ini memberi bantuan khusus dan komprehensif mengenai langkah-langkah untuk mengeksport, konsultasi, hubungan dengan pembeli dan pembiayaan perdagangan.
 - (iii) Program eDagang atau eTRADE, yang menawarkan latihan mengenai pemasaran dan penjenamaan secara dalam talian (*online*) untuk pengusaha kecil dan sederhana (PKS) menembusi pasaran global.
 - (iv) Dana Eksport Perkhidmatan (SEF) yang disediakan untuk meningkatkan keupayaan syarikat perkhidmatan Malaysia mendapatkan akses pasaran melalui bantuan dalam bentuk geran dan *soft-loan*.
 - (v) Large Corporation – SME Partnership, program kolaborasi di antara syarikat-syarikat besar dan PKS bertujuan mewujudkan lebih banyak penyedia perkhidmatan PKS di Malaysia yang berkemampuan untuk mengeksport menerusi penyertaan dalam projek-projek bertaraf antarabangsa.

4. Di samping program-program khusus yang disenaraikan, Kementerian dan Agensi Kerajaan yang lain juga digalakkan agar menjalankan pelan tindakan termasuk promosi eksport masing-masing dengan menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), sebagaimana yang disarankan oleh NEC.

Sekian, terima kasih.